

Hubungan saya dengan Mahathir baik — Anwar

UM 29 DEC 1994

Oleh WAHID HASHIM
dan ZAINAL RASHID AHMAD

KUALA LUMPUR 28 Dis. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hubungan beliau dengan Perdana Menteri tidak akan berakhir dengan krisis kepimpinan seperti yang pernah berlaku pada era Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Serentak dengan itu, beliau turut menafikan ada tekanan kuat daripada pengikutnya supaya 'peralihan kuasa' dilakukan lebih cepat.

Tegasnya, "saya adalah orang Mahathir".

Beliau turut menolak adanya ura-ura perlantikan Timbalan Perdana Menteri kedua sambil menegaskan "perkara itu tidak munasabah kerana saya telah dipilih oleh parti".

Sambil menyifatkan andaian itu dicetuskan oleh golongan yang

kecewa dalam politik, Anwar berkata, hubungan beliau dengan Dr. Mahathir Mohamad kini berada di tahap yang amat baik.

Sehubungan itu, beliau bersetuju dengan kenyataan Dr. Mahathir semalam yang menegaskan hubungan mereka sebenarnya adalah cukup baik dan tidak timbul sebarang perselisihan.

"Kenyataan Dr. Mahathir itu meredakan semua dakwaan tersebut," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Bandar Tun Razak di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir semasa diwawancara oleh seorang wartawan *Asian Business News (ABN)* menegaskan hubungan beliau dengan Anwar adalah cukup baik dan tidak timbul soal perselisihan.

■ Lihat muka 2

Hubungan saya dengan Mahathir baik — Anwar

Kata Dr. Mahathir, apa yang berlaku ialah ada pihak yang telah menyalahafsirkan kenyataan beliau dan kenyataan Anwar.

Dalam hubungan ini, Anwar berkata, semua pihak perlu melihat kepada apa yang sebenarnya berlaku dan tidak perlu mengikut takap golongan yang tidak bertanggungjawab.

Dalam hubungan ini, katanya, golongan yang kecewa dalam politik sememangnya mengharapkan berlaku keretakan hubungan antara beliau dengan Perdana Menteri.

"Saya rasa Perdana Menteri sudah menjelaskan semalam bahawa sekiranya hubungan kami baik, orang yang kecewa akan berasa rugi," katanya.

Beliau memberi contoh, dalam pelaksanaan PPRT, ada pihak yang menyifatkan beliau tidak sehaluan dengan Dr. Mahathir.

"Ada yang mendakwa, saya terlalu mementingkan projek pembinaan rumah untuk orang miskin tetapi mereka tidak tahu bahawa setelah saya rujuk dengan Perdana Menteri, beliau bersetuju dan mengarahkan saya memastikan pelaksanaannya berjalan dengan baik," katanya.

Mengulas mengenai 'sokongan kuat' yang diperolehi daripada para penyokongnya, Anwar berkata, perkara tersebut berlaku kerana beliau menyokong Perdana Menteri.

Mengenai hubungan beliau dengan Penasihat

Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, Anwar berkata, hubungan mereka adalah berasaskan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan dan Daim sebagai Penasihat Ekonomi serta ahli perniagaan.

"Memang kadangkala tidak semua cadangan Daim saya terima, tetapi itu bukan bererti kami tidak sependapat," katanya.

Menurut Anwar, kadang kala beliau tidak bersetuju dengan nasihat Daim apabila bekas Menteri Kewangan itu (Daim) memberi nasihat sebagai seorang ahli perniagaan.

"Saya orang politik, dia seorang ahli perniagaan, dan dia juga adalah kawan saya," katanya.